

Ada bonus jika prestasi baik: PM

B.H 17 AUG 1993

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan sedia membayar bonus kepada 800,000 kakitangan kerajaan dengan syarat mereka mesti menunjukkan prestasi yang baik, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kerajaan sudah menunjukkan contoh (kesediaan) dengan mengaitkan soal prestasi dan peningkatan gaji. Ini (Sistem Saraan Baru) satu perubahan prinsip. Kalau kerajaan tidak sanggup memberi bonus, sekarang kita terima kalau prestasi baik kita akan bayar bonus sama seperti sektor swasta.

"Tetapi prestasi mesti baik dahulu," katanya kepada pemberita ketika ditanya pandangannya berhubung isu kenaikan gaji yang disentuh dalam ucapannya ketika merasmikan Forum Daya Saing Kebangsaan, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, kenaikan gaji boleh menyebabkan kenaikan kos pengeluaran dan inflasi. Sebagai jawapan terhadap masalah itu, katanya, kenaikan gaji mesti diimbangi peningkatan produktiviti yang tinggi.

Awal tahun ini, beliau pernah memberi jaminan

kepada Cuepacs untuk membayar bonus kepada kakitangan awam bagi tahun 1991 dan tahun lalu, jika Cuepacs dapat memberi alasan yang kukuh.

Pada 14 April lalu, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Mahmud Taib, menolak rayuan Cuepacs untuk memberi bonus kepada kakitangan kerajaan.

Menurutnya, sejak SSB dilaksanakan prestasi kakitangan kerajaan bertambah baik berbanding sebelum SSB.

Dr Mahathir berkata, walaupun kakitangan kerajaan semakin berkurangan, pentadbiran kerajaan masih dianggap cekap serta tidak menimbulkan banyak masalah kepada semua pihak.

Beliau memberi amaran kenaikan gaji tanpa mengira peningkatan produktiviti boleh menjejaskan daya saing dan akhirnya prestasi ekonomi merosot, inflasi meningkat dan pekerja tidak mendapat taraf hidup yang baik.

Dr Mahathir berkata, bagaimanapun masih ada sesetengah syarikat yang menaikkan gaji tanpa mengira sama ada keuntungan atau produktiviti

meningkat.

"Ini menyebabkan kemerosotan ekonomi seperti di Barat. Mereka menaikkan gaji setiap tahun tanpa mengira untung atau rugi," katanya.

Ditanya mengenai kegiatan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Dr Mahathir menegur sikap syarikat swasta dan ahli perniagaan yang hanya memikirkan bidang yang memberi pulangan cepat dan menguntungkan seperti hartanah.

Katanya, kebanyakan mereka tidak berminat dalam teknologi baru walaupun bidang itu menunjukkan produktiviti.

"Kita kena ulang menyebut mengenai pentingnya R&D dalam bidang gunaan ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, Jepun maju kerana negara itu menumpukan perhatian terhadap kegiatan penyelidikan gunaan dan bukan penyelidikan asas.

Ditanya mengenai insentif terhadap kegiatan penyelidikan itu, Dr Mahathir berkata, walaupun kerajaan memberi bantuan, pihak tertentu masih memikirkan kegiatan yang memberi pulangan cepat sahaja.